

18 JUN 1999

Umno-Dakyah (Analisis)

UMNO RANCAKKAN PERANG TERHADAP DAKYAH PAS, PEMBANGKANG

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Umno hari ini memberi isyarat jelas kepada PAS bahawa ia tidak akan bertolak ansur lagi dengan dakyah parti pembangkang itu yang memperlekehkan perjuangan Umno untuk menegakkan Islam dan memeralatkan isu bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk meraih sokongan.

Majoriti perwakilan semasa membahaskan usul ucapan dasar Presiden memberi amaran keras tentang bahaya yang akan menimpa umat Islam jika PAS terus dibiarkan menggunakan agama untuk kepentingan politiknya.

Berdasar kepada "semangat" para pembahas dan respons anggota perwakilan, perpaduan 2.8 juta tidak terjejas oleh peristiwa penyingkiran Anwar dan parti itu semakin yakin untuk mematahkan serangan dakyah PAS terhadapnya selama ini.

Berikutan ucapan berani dan terus terang Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan dasarnya mengapa Anwar tersingkir, anggota parti itu juga semakin yakin menghadapi rakyat yang terkeliru akibat eksploitasi PAS ke atas isu itu.

Kalau sebelum ini anggota-anggota Umno lebih suka bersikap membisu terhadap isu Anwar, mereka kini berani menyentuh isu tersebut dan tidak mahu PAS terus memeralatkannya bagi kepentingan politik mereka.

Kutukan keras anggota perwakilan terhadap novel "Shit" Shahnun Ahmad memberi isyarat parti itu tidak sanggup Dr Mahathir dihina oleh Sasterawan Negara itu dengan kata-kata mencarut dan maki hamun.

Mereka juga menunjukkan kemarahan terhadap Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kerana mempertahankan buku karya anggota seumur hidup parti itu.

Sekiranya kemarahan perwakilan Kedah Datuk Badruddin Amiruldin terhadap PAS mencerminkan semangat anggota Umno lain, PAS perlu bersedia menghadapi serangan balas Umno.

Badruddin meminta para anggota parti supaya bangun mempertahankan maruah pemimpin Umno yang dikeji dan dihina oleh parti-parti pembangkang di negara ini.

Beliau mencabar rakan-rakan separti jika mereka yakin tindakan Majlis Tertinggi parti memecat Anwar atas dasar moral adalah betul supaya mempertahankan keputusan dan tidak membiarkan PAS mengeksploitasinya.

Melihat kepada respons para anggota perwakilan, masa untuk PAS menggunakan isu itu bagi memancing undi nampaknya sudah tiada.

Penegasan Naib Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika merasmikan perhimpunan agung Pergerakan Wanita dan Pemuda Umno serentak semalam, bahawa Umno menegakkan Islam, memberi keyakinan baru kepada perwakilan.

PAS turut diserang mengenai dakwaannya bahawa ia lebih Islam daripada Umno berdasarkan realiti hari ini.

"Umno jauh lebih banyak membangunkan Islam dan ternyata lebih Islam sedangkan PAS, bertentangan dengan dakwaan bahawa ia lebih Islam, telah membenarkan perbuatan memfitnah dan menghalalkan perbuatan mencarut," kata wakil Wilayah Persekutuan Ridzuan Abdul Hamid semasa perbahasan hari ini.

Banyak daripada perwakilan mempersoalkan kerjasama PAS dengan parti-parti pembangkang sedangkan parti itu pernah menuduh Umno kafir kerana bekerjasama dengan rakan komponen Barisan Nasional.

Nada keras para perwakilan terhadap PAS dan sekutunya yang lain hari ini adalah susulan majlis "Pidato Memerangi Fitnah" pada satu perhimpunan

di Plaza Merdeka di sini, malam tadi.

Di ruang legar, walaupun perhimpunan agung kali ini tiada pemilihan parti bilangan pemerhati luar biasa banyaknya dan mereka berwajah serius dan tekun mengikut persidangan menerusi CCTV.

Walaupun sehingga kini belum ada kejutan yang dikatakan akan diumumkan oleh Dr Mahathir dan barangkali mereka datang kerana itu, yang pasti menerima kejutan dari Umno ialah PAS.

-- BERNAMA

AFY ZKS NAK